

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin
Aman Razali [Kuala Nerus]**

TARIKH : 17 Mac 2016 (Khamis)

**SOALAN : Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin
Aman Razali minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:**

skim-skim perlindungan yang ditawarkan atau diberikan kepada petani dan nelayan yang mengalami kerugian akibat bencana alam dan juga kegiatan perlombongan seperti bauksit di Kuantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kerajaan menyediakan beberapa bentuk bantuan kepada petani dan nelayan yang mengalami kerugian akibat bencana alam, tidak termasuk perlombongan bauksit, seperti berikut:

- 1) Tabung Bantuan Bencana Agromakanan (TBBA) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani berskala kecil yang mengalami kerugian hasil pertanian akibat bencana alam memulakan semula aktiviti pertanian mereka. Bantuan diberikan dalam bentuk wang ihsan dan bukan pampasan kerugian; dan
- 2) Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan yang menyediakan bantuan atau sumbangan segera dalam bentuk kewangan kepada nelayan yang terlibat dengan kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda serta kehilangan nyawa.

Selain daripada kerugian akibat bencana alam, Kerajaan melalui syarikat insurans turut menyediakan Skim Perlindungan Insuran Nelayan sebagai perlindungan kepada nelayan bagi kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh badan disebabkan oleh kemalangan.